

1984

KUALA LUMPUR, 14 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGGUGURKAN TIGA ORANG MENTERI, MELANTIK SEORANG MENTERI BARU DAN MENAIKKAN DUA ORANG TIMBALAN MENTERI KEPADA MENTERI PENUH DALAM ROMBAKAN KABINET YANG DUMUMUKAN HARI INI.

PERDANA MENTERI JUGA MEWUJUDKAN SATU KEMENTERIAN BARU, KEMENTERIAN KEHAKIMAN YANG DILETAKKAN DI BAWAH JABATAN PERDANA MENTERI.

PENYUSUNAN SEMULA KABINET ITU JUGA MELIBATKAN PENGGUGURAN DUA ORANG TIMBALAN MENTERI, PERLANTIKAN EMPAT ORANG TIMBALAN MENTERI SERTA SEORANG SETIAUSAHA PARLIMEN BARU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENGUMUMKAN PERUBAHAN PORTFOLIO MELIBATKAN TUJUH ORANG MENTERI, SEMBILAN TIMBALAN MENTERI DAN DUA SETIAUSAHA PARLIMEN.

MENGUMUMKAN ROMBAKAN ITU KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO DI IBU PEJABAT PARTI DISINI TENGAHARI TADI. BELIAU BERKATA MENTERI-MENTERI YANG TERKELUAR DARIPADA KABINET BARU ITU IALAH TAN SRI GHAZALI SHAFIE (LUAR NEGERI), DATUK ABDUL MANAN OTHMAN (PERTANIAN) DAN DATIN PADUKA HAJAH AISHAH GHANI (KEBAJIKAN MASYARAKAT). --LAGI

MAHATHIR - KABINET 2 KUALA LUMPUR

MENTERI BARU IALAH ENCIK DAIM ZAINUDDIN, SEORANG TOKOH PENIAGA TERKEMUKA YANG MENGAMBIL ALIH PORTFOLIO KEWANGANDARI TENGKU RAZALEIGH HAMZAH YANG BERTUKAR KE KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN.

MEREKA YANG DILANTIK MENJADI MENTERI PENUH IALAH DATUK KHALIL YAAKOB YANG SEBELUM INI TIMPALAN MENTERI PELAJARAN DAN DATUK ABU HASSAN OMAR, TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN.

DATUK KHALIL DILANTIK MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI SEMENTARA DATUK ABU HASSAN PULA MENTERI KEBAJIKAN MASYARAKAT.

DATUK KHALIL MENGGANTIKAN DATUK ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI YANG DITUKARKAN KE KEMENTERIAN PELAJARAN. DATUK ABU HASSAN MENGISI TEMPAT DATIN PADUKA HAJAH AISHAH GHANI.

KEMENTERIAN KEHAKIMAN AKAN DIPEGANG OLEH DATUK DR. JAMES ONGKILI YANG JUGA MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

DUA TIMBALAN MENTERI YANG GUGUR IALAH DATUK HAJI SUHAIMI KAMARUDDIN (JABATAN PERDANA MENTERI) DAN DATUK DR. NIK HUSSEIN ABDUL RAHMAN (KERJARAYA). --LAGI

1554MST 14 07 84

MAHATHIR - KABINET 3 KUALA LUMPUR

TIMBALAN-TIMBALAN MENTERI BARU IALAH PENERUSI MARA HAJI ABDUL RAHIM BAKAR (TENAGA, POS DAN TELEKOM), SETIAUSAHA POLITIK PERDANA MENTERI MEGAT JUNID MEGATAYOB (PERUSAHAAN UTAMA), NAIB CANSOLOR UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA PROF. MOHAMAD YUSOF NOR (JABATAN PERDANA MENTERI) DAN HAJI YAHAYA LAMPONG, ANGGOTA PARLIMEN KAWASAN USUKAN, SABAH (PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUARBANDAR).

SETIAUSAHA PARLIMEN KEMENTERIAN KEMAJUAN TANAH DAN WILAYAH, ENCIK ZAINAL ABIDIN ZIN DILANTIK SEBAGAI TIMBALAN MENTERI KERJAJAYA. SATU-SATUNYA SETIAUSAHA PARLIMEN BARU IALAH HAJI DASUKI AHMAD, ANGGOTA PARLIMEN TUMPAT YANG DSTUGASKAN KE KEMENTERIAN KEHAJUAN TANAH DAN WILAYAH.

PARA MENTERI YANG BERTUKAR PORTFOLIO IALAH TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN (DARI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN KE LUAR NEGERI), DATUK SERI MOHAMAD ADIB ADAM (DARI PENERANGAN KE KEMAJUAN TANAH DAN WILAYAH), DATUK RAIS YATIM (DARI KEMAJUAN TANAH DAN WILAYAH KE PENERANGAN), DATUK DR. SULAIMAN HAJI DAUD (DARI PELAJARAN KE KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN), ENCIK ANWAR IPRAHIM (DARI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN KE PERTANIAN).

TIMBALAN-TIMBALAN MENTERI YANG BERTUKAR KEMENTERIAN IALAH ENCIK RADZI SHEIKH AHMAD (DARI JPM KE DALAX NEGERI), DATUK DR. TAN TIONG HONG (DARI PELAJARAN KE KEWANGAN), HAJAH RAHMAH OSMAN (DARI PENERANGAN KE PENGANGKUTAN), HAJI BUJANG 'JLIS (DARI PERUSAHAAN UTAMA KE PELAJARAN), ENCIK MOHAMAD KASSIM AHMAD (DARI DALAM NEGERI KE PENERANGAN) DAN DATIN PADUKA ROSEMARY CHONG (DARI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN KE PELAJARAN). --LAGI

1601MST 14 07 84

D617

R' 8932 BAH EMA SIN

MAHATHIR-KABINET 4 KUALA LUMPUR

ENCIK MUSTAPHA MOHAMAD YANG SEKARANG MENJADI SETIAUSAHA PARLIMEN KEHENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN BERTUKAR TEMPAT DENGAN HAJI AWANG JABAR, SETIAUSAHA PARLIMEN DI JPM.

PERDANA MENTERI BAGAIMANAPUN TIDAK MENGGISI JAWATAN TIMBALAN MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN YANG DIKOSONGKAN OLEH DATIN PADUKA ROSEMARY CHONG.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA ROMBAKAN TERSEBUT BERKUAT KUASA SELASA INI APABILA MENTERI-MENTERI BARU MENGGANGKAT SUMPAH JAWATAN DI HADAPAN YANG DI-PERTUAN AGONG.

MENURUT BELIAU, PENYUSUNAN SEMULA DAN SEMUA PERLANTIKAN ITU TELAH DIPERKENANKAN OLEH SERI PADUKA SEHASA BELIAU HENGADAPNYA DI KUALA TERENGGANU KHAMIS LALU KETIKA MENGHADIRI MESYUARAT MAJLIS RAJA-RAJA.

PERDANA MENTERI MENJELASKAN MENTERI-MENTERI DAN TIMBALAN MENTERI YANG TIDAK DILANTIK SEMULA ADALAH DENGAN HASRAT HEREKA SENDIRI YANG TELAH MENGEMUKAKAN SURAT PERLETAKAN JAWATAN. --LAGI

1624MST 14 07 84

MAHATHIR - KABINET 5 KUALA LUMPUR

BERIKUTAN PERLETAKAN JAWATAN TOKOH-TOKOH TERSEBUT, BELIAU TERPAKSA MEMBUAT PERUBAHAN DALAM BEBERAPA KEMENTERIAN DENGAN MENGISI JAWATAN-JAWATAN YANG DIKOSONGKAN SERTA MEMBAWA MASUK BEBERAPA MUKA BARU DAN MENAIKKAN PANGKAT TIMBALAN MENTERI DAN SETIAUSAHA PARLIMEN.

KATANYA PEMILIHAN TIDAK DIBUAT BEROASARKAN KEPUTUSAN PERHIMPUNAN AGUNG UMNO BARU-BARUINI TETAPI KERANA KEPERLUAN DALAM PARTS DAN KERAJAAN.

ROMBAKAN ITU, TAMBAHNYA, MELIBATKAN MENTERI-MENTERX UMNO SAHAJA KERANA TIDAK ADA PERLETAKAN JAWATAN OLEH MENTERI DARIMANA-MANA PART 1 KOMPONEN BARISAN NASIONAL.

DITANYA SEBAB-SEBAB TENGGU RAZALEIGH DITUKARKAN KE KEMENTERIAN LAIN DARI PORTFOLIO KEWANGAN YANG DIPEGANGNYA SELAMA LAPANTAHUN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEMUA MENTERI. PATUT BERTUKAR TEMPAT SUPAYA MEREKA DAPAT MENIMBA PENGALAMAN.

BELIAU MENOLAK DAKWAAN BAWA KEPUTUSAN ITU SATU HUKUMAN KEPADA TENGGU RAZALEIGH KERANA BERTANDING MENENTANG DATUK MUSA HITAMBUAT KALI KEDUA UNTUK JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN UMNO DALAM PEMILIHAN PUCUK PINPINAN PART 1 BARU LALU. --LAGI
1709MST 14 07 84

D662

R B954 BAH EMA

MAHATHIR - KABINET 6 KUALA LUMPUR

+ KALAU ITU BOLEH DIANGGAP SEBAGAI HUKUMAN, MUNGKIN BELIAU TIDAK DILANTIK LANGSUNG KERANA KALAH DALAM PERTANDINGAN JAWATAN PARTI.

+ ADA ORANG YANG TAK NENANG APA-APA JAWATAN, PARTI, APAKAH MEREKA DIANGGAP MENERINA HUKUMAN, + TANYA BELIAU..

PERDANA MENTERI JUGA MENEGASKAN TIDAK ADA MENTERI YANG DIANGGAP TERKANAN DARIPADA LAIN-LAIN MENTERI DALAM SUSUNAN KABINET SEMATA-MATA IA MENEGANG PORTFOLIO PENTING.

UMPAMANYA, SESEORANG YANG DILANTIK SEBAGAI MENTERI PELAJARAN TIDAK SEMESTINYA ORANG KANAN ATAU PUN MERUPAKAN TIKET BAGINYA MENJADI TIMBALAN PERDANA MENTERI.

KATANYA WALAUPUN TENGGU RAZALEIGH MENJADI MENTERI KEWANGAN SEJAK MULA-MULA MENGANGGOTAI KABINET, BELIAU MEMULAKAN KERJAYANYA DARIPADA EAWAH DAN ADA LAGI MENTERI-MENTERI LAIN YANG LEBIH KANAN DARIPADANYA.

KETIKA DITANYA SAMA ADA ENCIK DAIM, YANG JUGA ANGGOTA PARLIMEN KUALA MUOA BERKEUPAYAAN MELAKSANAKAN TUGAS SEBAGAI MENTERI KEWANGAN MEMANOANGKAN BELIAU SEORANG TOKOH POLITIK BARU, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA WALAUPUN BARU SEBAGAI SEORANG MENTERI NAMUN ENCIK DAIM TELAH LAMA BERKECIMPUNG DALAM BIDANG PERNIACAAN DAN TELAH MEMBUKTIKAN KEBOLEHANNYA. --LAGI

1741MST 14 07 94

MAHATHIR - KABINET 7 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA PERLANTIKAN ENCIK DAIM TIDAK AKAN MENIMBULKAN SEBARANG PERCANGAHAN KEPENTINGAN KERANA BELIAU AKAN DIMINTA MELEPASKAN (RELINQUISH) SEMUA KEPENTINGAN PERNIAGAANNYA.

ENCIK DAIM AKAN DIBERI MASA SECUKUPNYA UNTUK BERBUAT DEMSKIAN YANG JUGA BERLAKU KEPADA SEMUA MENTERI KABINET.

MENURUT BELIAU SEKIRANYA HARTA ITU HARTA PERIBADI, PARA MENTERI DIBENARKAN MEMBENTUK SEBUAH SYARIKAT KELUARGA DAN MEMINDAHKAN SEGAL HARTA KEPADA SYARIKAT TERSEBUT.

SELEPAS ITU MEREKA TIDAK BOLEH MEMPUNYAI SEBARANG HUBUNGAN DENGAN SYARIKAT ITU DAN TIDAK DIBENARKAN MEMAJUKAN SYARIKAT SECARA AKTIF.

JIKA NEREKA NAHU MEMBELI SAHAM, NEREKA PERLU MEMBUAT PERISTIHAHAN DAN JUGA TIDAK BOLEH TERLIBAT DALAM PENGURUSANNYA. --LAGI
1745MST 14 07 84

MAHATHIR-KABINET 8 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENYATAKAN PERLANTIKAN **ENCIK DAIM** BUKAN MERUPAKAN SATU TREND DI MASA DEPAN UNTUK **MELANTIK** SEORANG **AHLI** PERNIAGAAN **SEBAGAI** MENTERI **KEWANGAN**.

KATANYA SECARA KEBETULAN **ENCIK DAIM** SEORANG **TOKOH** PERNIAGAAN DAN **BELIAU** TERPILIH KERANA KESESUASANNYA.

BEGITU JUGA **TENGGU RAZALEIGH** ADALAH SEORANG **AHLI** PERNIAGAAN SEBELUM **BELIAU** MENYERTA **KABINET**.

DIMINTA MEMBERIKAN SEBAB **PORTFOLIO** **KEBAJIKAN** **MASYARAKAT** **DIISI** OLEH SEORANG **MENTERI** **LELAKI** DAN BUKAN **CALON** **DARI** **WANITA** **UMNO** **SEBAGAI** **MANABIASA**, **PERDANA MENTERI** MENJELASKAN TIDAK **SEMESTINYA** **JAWATAN** **ITU** **DIPENUHI** **OLEH** **SEORANG** **WANITA** **KERANA** **DAHULU** **PUN** **ADA** **MENTERI** **LELAKI** **MENJAWAT** **PORTFOLIO** **TERSEBUT**.

MENGENAS DUA **JAWATAN** **TIMBALAN** **MENTERI** **YANG** **DIKOSONGKAN** **OLEH** **CALON-CALON** **MCA**, **DATUK** **SERI** **DR. MAHATHIR** **BERKATA** **KEDUA-DUANYA** **AKAN** **DIISIPADA** **MASA** **YANG** **SESUAI**.

MCA, KATANYA HENDAKLAH MENYELESAIKAN MASALAHNYA **TERLEBIH** **DAHULU**.--LAGI
1747MST 14 07 84

D686

R 0963 BAH EMA

MAHATHIR - KABINET 9 KUALA LUMPUR

BELIAU **YAKIN** **KRISIS** **DALAM** **PARTI** **ITU** **AKAN** **DAPAT** **DIATASI** **WALAUPUN** **MUNGKIN** **MENGAMBIL** **MASA** **YANG** **AGAK** **PANJANG**.

PERDANA MENTERI **BERKATA** **PEMILIHAN** **MENTERI-MENTERI** **KABINET** **ITU** **BUKAN** **SEMATA-MATA** **KEPUTUSANNYA** **SENDIRI** **TETAPI** **JUGA** **SETELAH** **DIAMBIL** **KIRA** **PANDANGAN** **BEE** **RAPA** **ORANG** **TERTENTU**.

+ **ROMBAKAN** **KABINET** **BUKAN** **SATU** **MAINAN** **BAGI** **SAYA** **DAN** **SETIAP** **PERUBAHAN** **DIBUAT** **KERANA** **PERLU**, + **UJAR** **BELIAU**.

TURUT **SAMA** **DALAM** **SIDANG** **AKHBAR** **HAMPIR** **DUA** **JAM** **XU** **IALAH** **TIMBALAN** **PERDANA MENTERI** **DAN** **KETUA** **SETIAUSAHA** **NEGARA**, **TAN** **SRI** **SALLEHUDDIN** **MOHAMAD**.--BERNAMA.

1821MST 14 07 84